

1. Apakah **Perkakasan ICT** yang boleh dibeli ?
 - Laptop
 - Desktop
 - Tablet
2. Bagaimakah untuk membuat **PERMOHONAN PEMBELIAN PERKAKASAN ICT SECARA GERAN** ?
Melalui sistem University IT Services (**UnITS**) di URL : <https://units.uitm.edu.my/>
3. Apakah cara bagi proses permohonan pembelian perkakasan ICT secara geran?
 - Mulai Januari 2019, proses pembelian perkakasan ICT geran adalah secara '**Beli Dulu, Tuntut Kemudian**'
 - Carta Alir permohonan seperti di **Lampiran A**
4. Di mana pembelian Perkakasan ICT secara geran ini boleh dibuat?
 - Pembelian Perkakasan ICT secara geran ini boleh dibuat daripada mana-mana pembekal komputer (termasuk secara *online*).
5. Bagaimana tuntutan pembelian boleh dibuat?
 - Tuntutan pembelian boleh dibuat dengan memasukkan maklumat dan bukti pembelian perkakasan ICT di Sistem **UnITS** serta mengikuti prosedur pihak Pejabat Bendahari (Unit Kewangan Zon 6 UiTM Shah Alam).
 - Sebarang pertanyaan berkaitan tuntutan geran pembelian perkakasan ICT, sila berhubung dengan pihak **Unit Kewangan Zon 6 UiTM Shah Alam**.
6. Siapa yang layak untuk memohon pembelian Perkakasan ICT secara geran?
 - **Staf Akademik dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)**.
7. Apakah syarat-syarat untuk Staf Akademik memohon geran tersebut?
 - Gred 41 dan ke atas.
 - Berjawatan **TETAP** (termasuk yang belum sah jawatan).
 - Telah mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ.
 - Pertama kali : Mempunyai baki kurang 6 bulan daripada tempoh tamat komputer sewaan.
 - Kali kedua dan seterusnya : Mohon selepas geran semasa tamat tempoh.

8. Apakah syarat-syarat untuk pegawai pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) bagi memohon geran tersebut?
 - Gred 41 dan ke atas.
 - Berjawatan **TETAP** (termasuk yang belum sah jawatan).
 - Telah mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ dan Jawatankuasa Pembangunan Projek IT (JPPIT) UiTM.
 - Pertama kali : Mempunyai baki kurang 6 bulan daripada tempoh tamat komputer sewaan.
 - Kali kedua dan seterusnya : Mohon selepas geran semasa tamat tempoh.
9. Adakah staf Akademik yang akan atau sedang cuti belajar layak untuk memohon geran tersebut?
 - Ya, staf Akademik berjawatan **TETAP** yang akan atau sedang cuti belajar layak untuk memohon.
10. Berapakah jumlah pemberian geran yang diberikan oleh pihak UiTM?
 - Pemberian geran adalah sebanyak RM2,000.00 sahaja kepada setiap pegawai yang berkelayakan.
11. Berapa tempoh masa Staf Akademik dan Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) boleh memohon semula geran tersebut?
 - Pemberian geran hanya boleh dimohon semula setelah
 - a. **5 tahun** permohonan geran semasa tamat bagi pemberian geran **RM 2,000.00**.
 - b. **4 tahun** permohonan geran semasa tamat bagi pemberian geran **RM 1,500.00**.
12. Bagaimana sekiranya harga Perkakasan ICT yang ditawarkan melebihi harga geran?
 - Pemohon perlu menampung sendiri jumlah yang melebihi daripada jumlah geran yang diperuntukkan atau pemohon boleh membuat pinjaman pembiayaan komputer UiTM (mengikut prosedur Pejabat Bendahari UiTM).
13. Siapa yang akan membuat pemasangan / penyelenggaraan perisian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran pada Perkakasan ICT?
 - Pemasangan **perisian UiTM** sahaja perlu dilakukan oleh Bahagian ICT di kampus atau PTJ masing-masing.

14. Bagaimanakah dengan perisian Antivirus?

- Pemasangan perisian Antivirus perlu dilakukan oleh Bahagian ICT di kampus atau PTJ masing-masing.
- Setiap Perkakasan ICT geran dimestikan memasang perisian Antivirus yang disediakan oleh pihak UiTM.

15. Siapa yang akan membuat kerja penyelenggaraan Perkakasan ICT geran tersebut?

- Penyelenggaraan adalah dibawah tanggungjawab pemilik **TANPA** melibatkan pengurusan ICT UiTM.

16. Siapakah pemilik penuh Perkakasan ICT geran tersebut ?

- Perkakasan ICT geran ini akan menjadi milik penuh pegawai tersebut, namun perkakasan tersebut perlu digunakan untuk melaksanakan kerja/tugasan rasmi UiTM sahaja kerana perolehan perkakasan tersebut adalah menggunakan peruntukan kewangan UiTM.

17. Siapakah yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan Perkakasan ICT geran?

- Pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku kehilangan dan tiada lagi pemberian geran akan diberikan sehingga tempoh lima tahun yang seterusnya.

18. Bagaimanakah tuntutan bayaran balik oleh UiTM akan dikenakan kepada penerima Perkakasan ICT geran ?

- Tuntutan bayaran balik oleh UiTM akan dikenakan kepada penerima Perkakasan ICT geran adalah seperti berikut :
 - Staf akan bersara atau memilih untuk bersara awal dari tempoh perkhidmatan;
 - Staf yang memilih untuk berhenti kerja secara sukarela; atau
 - Staf yang diberhentikan kerja.

19. Bagaimana pengiraan tuntutan bayaran balik yang akan dikenakan?

- Jumlah tuntutan bayaran balik = (Jumlah Geran / Jumlah Bulan Geran) x Jumlah Bulan Tuntutan
Contoh : (RM2,000 / 60 bulan) x Jumlah Bulan Tuntutan

20. Siapakah yang boleh dihubungi berkaitan perkara berikut :

- i. Proses permohonan Perkakasan ICT geran : **Bahagian ICT, Liaison Officer ICT PTJ masing-masing.**
- ii. Tuntutan bayaran perkakasan ICT geran : **Unit Kewangan Zon 6, UiTM Shah Alam.**

(Lampiran A)

Carta Alir Permohonan Pembelian Perkakasan ICT Secara Geran Menggunakan Sistem *University IT Services(Units)*

